

19/06/2004

Pemuda bahagian tidak perlu akur

By Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Pimpinan Pemuda Umno peringkat bahagian tidak semestinya akur dengan senarai pencalonan bagi pemilihan jawatan tertinggi pergerakan itu yang dikeluarkan oleh Pemuda negeri.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, menegaskan pencalonan seharusnya datang daripada ahli peringkat akar umbi dan terpulang kepada mereka untuk memilih calon yang benar-benar layak.

"Bagi saya, walaupun Badan Perhubungan Pemuda pada peringkat negeri membuat kenyataan mengenai pencalonan tertentu, bahagian tidak semestinya akur atau ikut kerana akhirnya yang akan mencalonkan seseorang itu datangnya daripada bawah.

"Jika Pemuda bahagian hendak mencalonkan individu tertentu tetapi kalau pencalonan daripada bawah dan ada sokongan, itu tidak boleh disekat," katanya kepada pemberita selepas mengetuai rombongan pergerakan itu membuat kunjungan rasmi kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Ini adalah kali pertama Pemuda Umno mengadakan pertemuan rasmi dengan Dr Mahathir selepas beliau bersara bagi menyatakan penghargaan terhadap sumbangan bekas Perdana Menteri kepada pergerakan itu selama ini.

Hishammuddin berkata, beliau sudah mengarahkan supaya Badan Perhubungan Pemuda negeri berhenti menyatakan pendirian atau sokongan terhadap mana-mana calon secara terbuka.

Saya pernah nyatakan selepas mesyuarat Pemuda sebelum ini, perkara ini perlu dihentikan," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, soal tindakan Pemuda negeri menyatakan sokongan terbuka kepada individu tertentu yang dilihat seolah-olah mempengaruhi pencalonan di peringkat bahagian, hanya digembar-gemburkan.

"Selepas pemilihan nanti, redalah keadaan dan kita balik semula untuk fikirkan perkara yang lebih penting iaitu bagaimana hendak memimpin ahli pergerakan dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, ahli pergerakan yang dikatakan mahu menarik diri daripada bertanding jawatan peringkat tertinggi bagi memberi laluan kepada individu tertentu, tidak perlu berbuat demikian.

Hishammuddin juga berkata, andaian apakah tindakan sesetengah calon mengundurkan diri bagi menghormati individu lain tidak perlu dijawab sekarang.

Mengulas saranan Ketua Penaja Umno Bahagian Johor Bahru, Datuk Shahrir Samad yang mencadangkan Hishammuddin bertanding kerusi Naib Presiden kerana Umno kekurangan pelapis, beliau berkata, masa depan Umno tidak bergantung kepada seorang individu dan bukan kerana jawatan.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, Pemuda menyatakan penghargaan kepada Dr Mahathir yang banyak memberi nasihat dan sering menegur pergerakan ketika menjadi Presiden Umno.

"Ini cara Umno. Kita tidak akan lupa pemimpin lalu dan tetap menghormati mereka. Kita bukan saja hargai sumbangan tetapi pengalaman dan kebijaksanaan mereka," katanya.

(END)